

# Kuat kuasa undang-undang perlu lebih tegas

**KUALA LUMPUR 11 Julai -**

Kelemahan penguatkuasaan undang-undang jalan raya menjadi penyebab utama ramai penunggang motosikal semakin berani melanggar peraturan trafik.

Ketua Pusat Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya, Fakulti Kejuruteraan Universiti Putra Malaysia (UPM),

Prof. Madya

Dr. Law

Teik Hua

(gambar)

berkata,

hukuman

yang

berbeza-

beza antara

penunggang

motosikal

dan pemandu kenderaan

juga antara faktor golongan

berkenaan semakin

bermaharajalela di jalan

raya termasuk melanggar

lampu isyarat berwarna

merah.

Katanya, kes kematian

melibatkan penunggang

motosikal akan terus

meningkat sekiranya

pihak berkuasa masih

mengamalkan sikap

bertimbang rasa dan

beranggapan golongan

berkenaan berpendapatan

rendah.

“Kaedah yang berkesan

untuk menangani masalah

ini adalah menguatkuasakan

undang-undang dengan

lebih tegas termasuk

mengenakan hukuman

yang berat kepada semua

pesalah tanpa mengira jenis

kenderaan.

“Tidak adil jika pemandu

kenderaan dikenakan

denda RM300 manakala

penunggang motosikal

hanya RM150 atas

kesalahan yang sama iaitu

melanggar lampu isyarat,”

katanya ketika dihubungi

*Utusan Malaysia* di sini hari ini.

